

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

20 BUAH KELUARGA TERIMA SUMBANGAN SWM KASIH CAHAYA DEEPAVALI

MELAKA, 12 NOVEMBER 2020 – Sambutan Deepavali tahun ini lebih bermakna buat 20 buah keluarga masyarakat India yang menerima sumbangan daripada SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) melalui program SWM Kasih Cahaya Deepavali.

Majlis penyerahan sumbangan berbentuk barangan makanan asas itu telah berlangsung hari ini di Kuil Sri Suntharamoorthy Vinayagar, Bachang.

Pengurus Wilayah Melaka dan Negeri Sembilan SWM Environment, Dr Al’Ashari Othman berkata, sumbangan itu diharap dapat membantu keluarga terlibat membuat persediaan bagi menyambut perayaan Deepavali pada 14 November ini.

“SWM Kasih merupakan entiti tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihak syarikat yang bertujuan meringankan beban masyarakat yang kurang berkemampuan. Bantuan diberikan secara bersasar kepada golongan yang memerlukan khususnya mereka di dalam kategori B40.

“Tahun ini, buat julung kalinya SWM Environment Melaka menjalankan program SWM Kasih Cahaya Deepavali sebagai usaha mendekati masyarakat India. Dengan sumbangan ini, diharap dapat memberi keceriaan kepada 20 buah keluarga ini untuk menyambut perayaan Deepavali atau Pesta Cahaya,” katanya.

Tambahnya lagi, sumbangan diberikan juga bertepatan untuk membantu keluarga yang terjejas akibat wabak COVID-19 yang melanda negara.

“Meskipun pandemik COVID-19 telah menjejaskan kehidupan seharian ramai rakyat, namun bukan penghalang untuk kaum India menyambut perayaan Deepavali dengan penuh kesederhanaan dalam norma baharu tetapi tetap meriah,” katanya.



Dalam majlis tersebut, turut diadakan pendaftaran Kuil Sri Suntharamoorthy Vinayagar bagi program KITAREcycle iaitu sebuah program kitar semula oleh SWM Environment yang menawarkan mata ganjaran kepada ahlinya.

-TAMAT-

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) telah dilantik pada tahun 1995 di bawah perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Google Play*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Noor Che Wah Ramli

Eksekutif Kanan Jabatan Komunikasi Korporat

SWM Environment Sdn Bhd

Lot 4B-17,18,19, Jalan TTC 26,

Kawasan Perindustrian Cheng,

75250 Melaka.

(Tel) 06-3350191

(Faks) 06-3350117